Experts

Bahasa Menjerit di Skrin: Mengapa Caps lock Boleh Merosakkan Kredibiliti Penulisan?

Fri, 02/20/2026 - 11:31

Dalam dunia digital hari ini, hampir semua orang merupakan penulis. Kita menulis e-mel, hantaran media sosial, kapsyen atau keterangan gambar, mesej rasmi, laporan dan rencana. Namun, ramai tidak sedar bahawa cara sesuatu teks dipaparkan boleh memberi kesan psikologi yang kuat kepada pembaca. Salah satu kesalahan yang kelihatan kecil tetapi membawa implikasi besar ialah penggunaan *caps lock* atau huruf besar sepenuhnya.

Pada papan kekunci, *caps lock* cuma satu butang. Dalam komunikasi, ia boleh menjadi isyarat emosi yang salah.

Caps lock dan Tanggapan Emosi Pembaca

Ramai penulis menggunakan huruf besar penuh dengan niat menekankan sesuatu. Mereka mahu pembaca nampak bahawa maklumat itu penting. Masalahnya, pembaca tidak 'mendengar' niat penulis. Mereka hanya melihat bentuk visual teks. Dalam budaya komunikasi digital, teks berhuruf besar sering ditafsir sebagai jeritan. Apabila seseorang membaca ayat seperti "INI AMAT PENTING UNTUK ANDA FAHAMI", reaksi spontan bukanlah rasa hormat tetapi rasa ditekan. Nada yang sepatutnya tegas berubah menjadi agresif.

Ini mewujudkan jurang emosi antara penulis dan pembaca. Teks yang sepatutnya menyampaikan maklumat mula membawa beban emosi yang tidak perlu. Dalam konteks profesional, keadaan ini lebih berbahaya. E-mel kepada rakan sekerja, pelajar atau pelanggan yang dipenuhi huruf besar boleh dianggap sebagai marah, tidak sabar atau tidak beradab. Walaupun penulis tidak berniat begitu, persepsi pembaca tetap terbentuk. Dalam komunikasi, persepsi sering lebih berkuasa daripada niat.

Kebolehbacaan dan Keletihan Minda

Selain isu nada, *caps lock* juga memberi kesan langsung kepada kebolehbacaan. Mata manusia membaca dengan mengenal bentuk perkataan, bukan sekadar huruf satu demi satu. Dalam teks biasa, huruf kecil dan besar membentuk corak yang membantu otak memproses maklumat dengan cepat. Apabila semua huruf menjadi besar, corak ini hilang. Perkataan kelihatan seragam dan blok teks menjadi lebih sukar diimbas.

Akibatnya, pembaca cepat letih. Mereka mungkin melangkau maklumat penting kerana teks terasa padat dan kasar secara visual. Ini bertentangan dengan prinsip asas penulisan berkesan: memudahkan pembaca bukan membebankan mereka. Penulis yang kerap menggunakan *caps lock* sebenarnya sedang menyukarkan mesej sendiri untuk difahami.

Risiko Salah Faham Budaya dan Etika

Penggunaan huruf besar penuh juga meningkatkan risiko salah faham budaya dan sosial. Dalam banyak komuniti dalam talian, caps lock telah lama dikaitkan dengan kemarahan, sindiran keras atau

serangan emosi. Dalam komunikasi rasmi seperti surat, laporan atau kenyataan media, gaya ini boleh dianggap tidak sopan. Ia memberi gambaran bahawa penulis tidak peka terhadap etika komunikasi bertulis.

Lebih membimbangkan, ia boleh menjejaskan kredibiliti. Pembaca sering menilai bukan sahaja isi tetapi juga gaya. Tulisan yang kelihatan seperti poster promosi murah atau mesej spam sukar dipandang serius. Dalam platform profesional seperti laman rangkaian kerjaya, blog ilmiah atau penerbitan organisasi, penggunaan *caps lock* berlebihan boleh membuat penulis kelihatan kurang matang atau tidak terlatih dalam disiplin penulisan. Kandungan yang mungkin bernilai tinggi akhirnya dipandang rendah kerana pembungkusannya lemah.

Ini menunjukkan bahawa penulisan bukan sekadar soal fakta tetapi juga persembahan. Bentuk visual teks ialah sebahagian daripada mesej.

Alternatif Penekanan yang Lebih Berkesan

Namun, ini tidak bermaksud huruf besar tidak boleh digunakan langsung. Masalahnya bukan pada alat tetapi pada cara dan kadar penggunaan. *Caps lock* sesuai untuk akronim seperti NGO, UNESCO atau KPI. Ia juga boleh digunakan pada tajuk ringkas jika selaras dengan gaya penerbitan. Yang perlu dielakkan ialah ayat panjang atau perenggan penuh dalam huruf besar.

Jika tujuan penulis adalah untuk menekankan sesuatu, terdapat pilihan yang lebih berkesan dan beradab. Penggunaan huruf tebal (bold) membantu menarik perhatian tanpa menukar nada emosi. Huruf condong sesuai untuk penekanan ringan atau istilah khusus. Struktur ayat juga boleh memainkan peranan. Ayat pendek dan jelas lebih kuat daripada ayat panjang yang ‘dijeritkan’. Tanda seru boleh digunakan secara terkawal tetapi jika setiap ayat berakhir dengannya, kesannya hilang.

Menulis dengan Hormat dan Kesedaran

Lebih penting, penulis perlu sentiasa memikirkan khalayak pembaca dan konteks. Cara menulis dalam kumpulan rakan rapat tidak sama dengan cara menulis kepada pihak pengurusan atau pembaca umum. Kepekaan terhadap situasi menunjukkan kematangan komunikasi. Penulis yang baik bukan sekadar menyampaikan apa yang ingin dikatakan tetapi melakukannya dengan cara yang membuat pembaca mahu terus membaca.

Akhirnya, disiplin kecil seperti mengawal *caps lock* mencerminkan sikap besar terhadap penulisan. Ia menunjukkan bahawa penulis menghormati pembaca. Mereka tidak memaksa, tidak menekan dan tidak menjerit melalui teks. Mereka memilih untuk meyakinkan bukan mengugut perhatian.

Dalam era maklumat berlebihan, pembaca mudah menjauhi teks yang terasa kasar atau memenatkan. Penulis yang bijak faham akan ketenangan visual membawa ketenangan makna. Kadangkala, kekuatan sebenar tulisan bukan pada huruf yang dibesarkan tetapi pada kebijaksanaan untuk tidak membesarkannya.

Redish, J. C. (2012). *Letting go of the words: Writing web content that works (2nd ed.*). Morgan Kaufmann.
Bringhurst, R. (2013). *The elements of typographic style* (4th ed.). Hartley & Marks.



Oleh: AHMAD IBRAHIM
E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

Penulis ialah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 157 views

View PDF